



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA

PELAN ANTIRASUAH

BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2025-2029



BARCODE ISBN

Diterbitkan oleh
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot, 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz, 46200 Petaling Jaya, Selangor Malaysia
Tel: (603) 7883 5400
E-mel: pejabatpnpra@npra.gov.my
Laman sesawang: <https://npra.gov.my/index.php/en/>

Hak cipta terpelihara

Sebarang pengedaran semula atau pengeluaran semula mana-mana bahagian atau semua bahagian kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang eksploitasi kandungan untuk tujuan komersial, dengan atau tanpa kebenaran bertulis, tidak dibenarkan sama sekali.

PASUKAN EDITORIAL

Penaung

YBrs Puan Norhaliza binti A Halim
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Penasihat

YBrs. Dr Azuana binti Ramli
Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara

Pasukan Editorial

1. Puan Azrina binti Hassan (Penyelaras OACP NPRA)
2. Puan Nor Hayati binti Abdul Rahim
3. Puan Hairanie binti Sa'ban
4. Puan Fathiyah binti Ahmad Faraid
5. Cik Lim Fei Xin
6. Puan Wong Hui Ying
7. Puan Bintul Huda binti Ismail
8. Puan Norizzati Adila binti Salam
9. Puan Nur Diyana binti Che Ismail
10. Puan Sharvini a/p Velugopal
11. Cik Safiya binti Mohd Razif
12. Puan Nur Masitah Seth binti Abdul Rahim Seth
13. Puan Siti Ainul Bariah binti Ahmad Sanusi
14. Puan Siti Khatijah binti Abdul Wahab
15. Encik Ahmad Musannif bin Zainordin

PERUTUSAN

YBRS TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERKHIDMATAN FARMASI)

Rasuah yang sering dikaitkan dengan istilah “makan suap” atau “tumbuk rusuk” secara kiasan, memberikan konotasi yang negatif kepada imej sesebuah organisasi yang terlibat. Sekecil mana pun nilai rasuah yang dipertaruhkan, jika dibiarkan berterusan, ia akan merebak seperti barah dalam budaya kerja terutamanya dalam perkhidmatan awam yang sering terdedah dengan pelbagai risiko korupsi. Hal ini bukan sahaja menghalang kemajuan dan kesaksamaan dalam pelaksanaan tanggungjawab terhadap negara, malah akan menjejaskan reputasi dan meruntuhkan keyakinan masyarakat terhadap kerajaan. Melalui dapatan Kaji Selidik Nasional 2023, sektor awam merupakan sektor utama yang dianggap mempunyai isu rasuah yang tinggi.

Oleh itu, Program Perkhidmatan Farmasi (PPF) menyambut baik usaha murni Kerajaan dalam memerangi rasuah hingga ke akar umbi serta memartabatkan Malaysia sebagai negara berintegriti tinggi. Sepenuh perhatian dan komitmen akan diberikan dalam mendukung aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang tergolong dalam kalangan 25 negara teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan garis panduan yang dibangunkan untuk mengkoordinasikan segala usaha dalam mengatasi pelbagai isu berkaitan tatakelola, integriti, dan pencegahan rasuah berdasarkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap Bahagian di bawah naungan PPF. Kerjasama antara segenap lapisan warga kerja PPF dalam pelaksanaan OACP amatlah diharapkan bagi mewujudkan persekitaran sifar kompromi terhadap rasuah.

Dengan adanya pelan ini, saya berharap warga PPF dapat membudayakan integriti dalam tugas harian dan komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang telus serta lebih efisien. Kejayaan dalam pelaksanaan pelan ini bukan sahaja dapat menjulang nama PPF sebagai sebuah organisasi yang berpegang teguh pada etika dan nilai positif, malah kesannya turut dapat dinikmati oleh rakyat dan juga generasi akan datang.

YBrs Puan Norhaliza binti A Halim
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

PERNYATAAN KOMITMEN



Warga kerja Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) akan memberikan sepenuh komitmen bagi setiap strategi yang dirancang dalam memastikan visi NPRA iaitu **“menjadi peneraju dalam perkhidmatan farmasi yang berintegriti dengan elemen akauntabiliti serta kompeten, demi kesejahteraan rakyat yang berterusan”** dapat dicapai menjelang 2029.

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dalam membendung sebarang amalan atau tindakan yang berkaitan dengan rasuah, masalah integriti dan tadbir urus (governance).

SINGKATAN / ABBREVIATION

ABMS	<i>Anti-Bribery Management System</i>
BDPSF	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
ISO	<i>International Organization for Standardization</i>
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
OACP	<i>Organisational Anti-Corruption Plan</i> (Pelan Antirasuah Organisasi)
NACP	<i>National Anti-Corruption Plan</i> (Pelan Antirasuah Nasional)
NACS	<i>National Anti-Corruption Strategy</i> (Strategi Antirasuah Nasional)
NPRA	<i>National Pharmaceutical Regulatory Agency</i> (Bahagian Regulatori Farmasi Negara)
NACP	<i>National Anti-Corruption Plan</i> (Pelan Antirasuah Nasional)
PBKD	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
PKKK	Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti
PKPSR	Pusat Koordinasi dan Perancangan Strategik Regulatori
PPPK	Pusat Penilaian Produk dan Kosmetik
PPF IPKKM	Program Perkhidmatan Farmasi, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia



KANDUNGAN

PASUKAN EDITORIAL	ii
PERUTUSAN YBRS TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERKHIDMATAN FARMASI)	iii
PERNYATAAN KOMITMEN	iv
AKRONIM / ABBREVIATION	v
BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI	1
Sejarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara	1
Carta Organisasi Bahagian Regulatori Farmasi Negara	2
Visi, Misi dan Objektif Bahagian Regulatori Farmasi Negara	2
Carta Fungsi Bahagian Regulatori Farmasi Negara	3
Usaha Pengukuhan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Peringkat	4
Bahagian Regulatori Farmasi Negara	4
ISU DAN CABARAN	5
ANALISIS DATA	6
BAB 2 : KERANGKA UTAMA PELAN ANTIRASUAH BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA	8
PELAN TINDAKAN BAGI SETIAP BIDANG KEUTAMAAN	10
BIDANG KEUTAMAAN 1 : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	10
BIDANG KEUTAMAAN 2 : REGULATORI, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	12
BIDANG KEUTAMAAN 3 : TADBIR URUS	15
BIDANG KEUTAMAAN 4 : PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA	17
BIDANG KEUTAMAAN 5 : PEROLEHAN DAN KEWANGAN	25
BAB 3 : TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH	28
BAB 4 : KESIMPULAN	30
Kesimpulan	30
Penghargaan	30



BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI

SEJARAH BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) merupakan sebuah badan regulatori kerajaan di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. NPRA bertanggungjawab dalam memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk farmaseutikal serta kualiti dan keselamatan produk semulajadi dan kosmetik yang dipasarkan di Malaysia.

NPRA yang dahulunya dikenali sebagai Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan (MKKUK), telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1978. Selaras dengan perkembangan fungsinya sebagai badan regulatori farmaseutikal dan sekretariat kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), nama MKKUK kemudiannya ditukar kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) pada tahun 1993. Pada 18 Julai 2016, nama BPFK secara rasminya ditukar kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).


PIHAK BERKUASA KAWALAN DADAH

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) merupakan pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah peruntukan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (semakan 2009), Akta Jualan Dadah 1952 (semakan 1989). Peraturan 7(1)(a) PKDK 1984 (semakan 2009) memperuntukkan kawalan di mana semua produk yang dipasarkan di Malaysia wajib berdaftar dengan PBKD sebelum ianya boleh dikilang, dijual, dibekalkan, diimport atau dimiliki dan Peraturan 7(1)(b) PKDK 1984 (semakan 2009) menyatakan pihak yang melakukan aktiviti tersebut wajib memiliki lesen yang diperuntukkan dan dikeluarkan di bawah peraturan ini.

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) selaku sekretariat kepada PBKD perlu memastikan kualiti, keberkesanan dan keselamatan produk farmaseutikal serta kualiti dan keselamatan produk semulajadi, suplemen kesihatan dan kosmetik di melalui aktiviti pendaftaran produk, pelesenan dan kebenaran mengilang produk kajian, notifikasi kosmetik, pemeriksaan, pelesenan, surveilans dan pemantauan kesan sampingan ubat.

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN TERTINGGI BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA



VISI, MISI DAN OBJEKTIF BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA

MISI

- Menjadi badan regulatori bagi ubat-ubatan dan kosmetik yang disegani dunia

VISI

- Menjamin kesihatan rakyat melalui kawalan regulatori ubat-ubatan dan kosmetik berlandaskan kecemerlangan saintifik

OBJEKTIF

- Memastikan produk yang diluluskan untuk dipasarkan di dalam negara adalah berkualiti, berkesan dan selamat serta memastikan produk semulajadi dan kosmetik adalah selamat dan berkualiti

CARTA FUNGSI

PUSAT KOORDINASI & PERANCANGAN STRATEGIK REGULATORI

PKPSR

- Perancangan halatuju dan pelan strategik regulatori
- Pengendalian hubungan kolaborasi regulatori dalam & luar negara
- Perancangan dan pembangunan infrastruktur, aset dan sistem ICT
- Pengendalian latihan, pengurusan sumber manusia, dan peruntukan serta perkembangan kerjaya
- Menyelaraskan Sistem Pengurusan Kualiti jabatan.
- Pengurusan aduan berkaitan perkhidmatan NPRA
- Penjana lesen
- Pengendalian polisi dan koordinasi regulatori produk dan kosmetik
- Urusetia Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD)
- Penyediaan dan penyebaran maklumat perkhidmatan NPRA

PUSAT PENILAIAN PRODUK & KOSMETIK

PPPK

- Penilaian pendaftaran produk
- Penilaian permohonan variasi, tambahan indikasi, pertukaran tapak pengilang, pertukaran pemegang pendaftaran dan pendaftaran semula
- Penilaian permohonan Lesen Import Percubaan Klinikal (CTIL), Kebenaran Mengilang Produk-produk tidak berdaftar untuk Tujuan Percubaan Klinikal (CTX) dan variasi
- Penerimaan laporan keselamatan dan notifikasi berkaitan produk kajian
- *Suspected Unexpected Serious Adverse Drug Reaction* (SUSAR)
- Notifikasi kosmetik, penilaian keselamatan dan tuntutan kosmetik

PUSAT KOMPLIANS & KAWALAN KUALITI

PKKK

- Menjalankan pemeriksaan dan
- Laporan ke atas keperluan GxP Pemantauan Kualiti dan pengendalian aduan produk berdaftar & kosmetik bernotifikasi
- Farmakovigilans / Pemantauan Laporan Kesan Advers Ubat (ADR) dan *Adverse Events Following Immunization* (AEFI)
- Mengurus pengujian makmal ke atas produk dan kosmetik
- Pemantauan vaksin dan produk plasma melalui aktiviti *Lot Release*
- Membangun metodologi dan validasi tatacara pengujian
- Penilaian pelan aliran premis dan mengurus pengeluaran sijil Amalan Perkilangan Baik

PUSAT PENTADBIRAN

PTD

- Merancang dan mengurus urusan pentadbiran am
- Mengurus perjawatan
- Mengurus dan menyelaraskan prosedur keselamatan harian jabatan
- Mengendalikan proses kutipan hasil kerajaan
- Menguruskan dan mengawal bajet NPRA
- Mengurus dan melaksanakan proses perolehan
- Mengurus aset alih, dan stor kerajaan

USAHA PENGUKUHAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH PERINGKAT BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA



Rajah di atas merupakan inisiatif Kerajaan dalam membanteras rasuah. Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan National Key Result Area (NKRA) – “Membanteras Rasuah”, dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan.

Pada tahun 2024, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melancarkan Strategi Antirasuah Nasional 2024-2028 (NACS 2024-2028) bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP 2019-2023).

Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) adalah komponen penting dalam agenda reformasi Malaysia yang menggariskan strategi-strategi teras secara menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Strategi ini tertumpu kepada peningkatan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban merentas pelbagai sektor di Malaysia, termasuk ahli politik, pentadbiran awam, perolehan Kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, institusi perundangan dan kehakiman, sektor swasta, serta orang ramai.

Mengambil kira arahan terbaru SPRM, pihak NPRA telah mengeluarkan Pelan Antirasuah Organisasi peringkat NPRA dengan mengambil kira fungsi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Pembangunan pelan ini bertunjangan kepada Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia dan piawaian MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System. Justeru, pembangunan Pelan ini dilihat tepat dalam usaha untuk memerangi isu berkaitan kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah di NPRA selaras dengan hasrat KKM untuk mencapai “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah”.

Merujuk kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional, Jawatankuasa Tatakelola peringkat Program Perkhidmatan Farmasi telah diwujudkan bagi memantau pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi NPRA.

ISU DAN CABARAN

CAMPUR TANGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

Campur tangan pihak berkepentingan terutamanya dalam proses tadbir urus boleh menimbulkan isu rasuah dan memberi impak negatif kepada jabatan. Pengaruh pihak berkepentingan yang mempunyai konflik kepentingan akan membuka ruang kepada amalan tidak beretika, merosakkan reputasi jabatan, dan menghakis kepercayaan masyarakat. Akibatnya, keselamatan dan kualiti perkhidmatan terjejas seterusnya membahayakan kesihatan rakyat.

KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN

Sistem kawalan dalaman yang baik dapat mengurangkan risiko berlakunya rasuah, masalah kekurangan integriti dan kelemahan tadbir urus melalui kaedah pengesanan dan pengesanan terhadap salah laku pegawai. Walau bagaimanapun, ketiadaan unit khas yang mengendalikan proses ini menyebabkan hasrat ini sukar direalisasikan. Selain itu, tindakan punitif yang dianggap tidak tegas dan adil kepada pegawai yang telah dibuktikan bersalah boleh mewujudkan situasi tidak harmoni dalam kalangan warga kerja yang merasakan wujud ketidakadilan atau kelemahan dalam organisasi.

PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN DAN PROSEDUR KERJA

Peraturan dan prosedur yang digubal oleh pihak pengurusan merupakan rujukan utama dalam menghasilkan sistem kerja yang teratur dan membentuk disiplin warga kerja. Namun, terdapat sebilangan kakitangan yang tidak merujuk kepada peraturan dan prosedur ditetapkan dalam pelaksanaan kerja masing-masing tetapi lebih cenderung untuk mentafsir sendiri berdasarkan amalan dan budaya yang telah diguna pakai sebelum ini. Hasilnya, proses kerja menjadi tidak teratur dan wujud kelemahan dalam proses pengurusan termasuklah pengurusan maklumat sehingga mengakibatkan berlakunya kebocoran maklumat terperingkat.

KUALITI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG LEMAH

Kelemahan atau kelewatan dalam melaksanakan tugas seperti mana sasaran yang ditetapkan menyebabkan kualiti penyampaian perkhidmatan adalah lemah dan tidak cekap. Berdasarkan semakan audit dalaman, didapati terdapat ruang penambahbaikan bagi pemantauan ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal supaya penyampaian perkhidmatan jabatan tidak terjejas.

KESUKARAN MENGESAN PERLAKUAN RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA

Penggunaan sistem secara manual, tiada pusingan kerja dan pemakaian budi bicara dalam sesuatu proses kelulusan akan membuka ruang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam suatu organisasi. Proses untuk mengesan perlakuan ini menjadi sukar sekiranya tiada penguatkuasaan dilaksanakan atau kelemahan ke atas sistem perlindungan kepada pengadu menyebabkan aduan berkaitan perbuatan ini semakin berkurangan dari semasa ke semasa.

ANALISIS DATA


Pelbagai sumber data dan maklumat telah diberi perhatian dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan urus tadbir, integriti dan rasuah di NPRA. Hal ini penting bagi memastikan NPRA sentiasa berada di tahap terbaik dari sudut penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Justeru, Jawatankuasa Pembangunan dan Pemantauan Pelan Antirasuah (OACP) NPRA telah mengenal pasti beberapa data yang berkaitan daripada sumber dalaman dan luaran bagi membantu usaha mengenal pasti risiko-risiko yang berupaya menyumbang ke arah kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah. Data untuk mengenal pasti risiko rasuah di NPRA diperolehi daripada Laporan Audit Dalam KKM, Laporan Kes Tata tertib NPRA, Maklumat Aduan SPRM terhadap NPRA, Aduan Integriti NPRA dan sumber-sumber dalaman lain yang berkaitan.

Hasil dapatan kajian dan analisis data tersebut, risiko dalaman dan luaran telah dikenal pasti bagi menentukan sebarang bentuk ancaman dan peluang yang berpotensi yang menyebabkan berlakunya perlakuan salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga NPRA.

STATISTIK KES TATATERTIB DI NPRA

Statistik kes tatatertib bagi tahun 2020 hingga 2024 menunjukkan bahawa kes tatatertib yang tertinggi dilaporkan di NPRA adalah melibatkan kesalahan tidak hadir bertugas. Perincian adalah seperti carta di bawah:



BAB 2 :

KERANGKA UTAMA PELAN ANTIRASUAH NPRA

VISI	Menjadi peneraju dalam bidang regulatori farmasi yang berintegriti dengan elemen akauntabiliti serta kompeten, demi kesejahteraan rakyat yang berterusan				
MISI	Berpegang teguh kepada integriti dan profesionalisme serta memperkasa tadbir urus demi kesejahteraan rakyat				
MATLAMAT	Memperkasa tadbir urus terhadap pematuhan undang-undang, dasar dan garis panduan yang berkuatkuasa		Mewujudkan warga kerja Bahagian Regulatori Farmasi Negara yang kompeten, berintegriti dan mempunyai akauntabiliti		
BIDANG KEUTAMAAN	Penyampaian Perkhidmatan	Regulatori, Pemantauan dan Penguatkuasaan	Tadbir Urus	Pentadbiran & Sumber Manusia	Perolehan dan Kewangan
STRATEGI	Memantapkan kecekapan dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan	Memperkasakan akauntabiliti dan integriti dalam regulatori, pemantauan dan penguatkuasaan	Meningkatkan tadbir urus organisasi yang baik	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi	Memantapkan kecekapan dan keberkesanan proses perolehan dan kewangan

5 | STRATEGI

18 | OBJEKTIF STRATEGIK

76 INISIATIF

**23 JANGKA PENDEK
(1-2 Tahun)**

**53 JANGKA PANJANG
(5 Tahun)**

PELAN TINDAKAN BAGI SETIAP BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 1	Penyampaian Perkhidmatan
STRATEGI 1	Memantapkan kecekapan dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Mengukuhkan akauntabiliti profesionalisma dan integriti kakitangan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Pusat Pentadbiran	5 tahun (2025-2029)
2	Memperkukuhkan proses semak silang	NPRA	5 tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 1	Penyampaian Perkhidmatan
STRATEGI 1	Memantapkan kecekapan dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Menambahbaik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Melaksanakan Program Kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972	JK Keselamatan Perlindungan	5 tahun (2025-2029)
2	Melaksanakan Program Kesedaran Anti-Rasuah	NPRA	5 tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 1	Penyampaian Perkhidmatan
STRATEGI 1	Memantapkan kecekapan dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Memperkasakan polisi Bahagian Regulatori Farmasi Negara berkaitan rasuah dan integriti

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Menguatkuasakan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan KKM	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
2	Menguatkuasakan Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dan Berurusan dengan Wakil Syarikat Farmaseutikal	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)

BIDANG KEUTAMAAN 1	Penyampaian Perkhidmatan
STRATEGI 1	Memantapkan kecekapan dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.4	Memperkukuhkan kerangka kerja Bahagian Regulatori Farmasi Negara yang lebih sistematik.

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Memantapkan sistem Quest melalui pengemaskinian dan naik taraf sistem (semak silang dalam sistem)	PKPSR	5 tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 2	Regulatori, Pemantauan & Penguatkuasaan
STRATEGI 2	Memperkasakan akauntabiliti dan integriti dalam regulatori, pemantauan dan penguatkuasaan
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasa Undang-Undang

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Memperkukuhkan mekanisme semak silang dalam aktiviti regulatori dan penguatkuasaan farmasi dengan penglibatan pegawai atasan dan pengauditan secara berkala	NPRA	5 tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 2	Regulatori, Pemantauan & Penguatkuasaan
STRATEGI 2	Memperkasakan akauntabiliti dan integriti dalam regulatori, pemantauan dan penguatkuasaan
OBJEKTIF STRATEGIK 2.2	Memperkukuhkan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
2	Menguatkuasakan Polisi Antirasuah KKM dalam Program Perkhidmatan Farmasi dan Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Untuk Anggota Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Kedua	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
3	Menguatkuasakan Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
4	Menguatkuasakan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan 2019	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)

BIDANG KEUTAMAAN 2	Regulatori, Pemantauan & Penguatkuasaan
STRATEGI 2	Memperkasakan akauntabiliti dan integriti dalam regulatori, pemantauan dan penguatkuasaan
OBJEKTIF STRATEGIK 2.3	Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Penguatkuasaan Telus

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Melaksanakan program kesedaran dan promosi berterusan berhubung prosedur kualiti dan polisi berkaitan anti rasuah	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
2	Menguatkuasakan mekanisme dalam menguatkuasakan pusingan kerja secara berkala kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif	PKPSR	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 2	Regulatori, Pemantauan & Penguatkuasaan
STRATEGI 2	Memperkasakan akauntabiliti dan integriti dalam regulatori, pemantauan dan penguatkuasaan
OBJEKTIF STRATEGIK 2.4	Menangani Campur Tangan Pihak Berkepentingan dalam Bahagian Regulatori Farmasi Negara

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Memperkuatkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan KKM 2019	NPRA	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 3	Tadbir Urus
STRATEGI 3	Meningkatkan tadbir urus organisasi yang baik
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Meningkatkan amalan profesionalisme dan kompetensi melalui latihan dan aktiviti kesedaran integriti serta nilai-nilai secara berterusan.

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Melaksanakan latihan pengurusan dokumen akhir/pengurusan pembayaran (berkenaan kelewatan penjana laporan).	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025- 2029)
2	Memberikan peringatan kepada pegawai berkaitan pengurusan masa dan ketetapan tarikh akhir kemuka laporan ke pihak berkenaan.	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025- 2029)
3	Memberi latihan pengurusan dokumen akhir/pengurusan pembayaran kepada pegawai terlibat (berkenaan mengemukakan dokumen lengkap).	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)

BIDANG KEUTAMAAN 3	Tadbir Urus
STRATEGI 3	Meningkatkan tadbir urus organisasi yang baik
OBJEKTIF STRATEGIK 3.2	Meningkatkan amalan profesionalisme dan kompetensi melalui latihan dan aktiviti kesedaran integriti serta nilai-nilai secara berterusan.

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Memperkukuh proses kerja pengurusan pembayaran (berkenaan kelewatan penjana laporan)	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
2	Memperkukuh proses kerja pengurusan pembayaran (berkenaan mengemukakan dokumen lengkap)	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Memperkukuh kompetensi modal insan berintegriti dan profesionalisme

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Melaksanakan kursus/latihan integriti secara berkala (tahunan)	PKPSR/ Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
2	Melaksanakan program kesedaran Garis Panduan Permohonan Kelulusan Penerimaan Hadiah Bukan Tunai Untuk Kegunaan Jabatan Di Kementerian Kesihatan Malaysia	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
3	Melaksanakan program kesedaran Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
4	Memberi pendedahan/hebahan pekeliling-pekeliling seperti Cuti, Gaji, Elaun & impak kesilapan penyemakan buku servis	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
5	Menghantar pegawai ke kursus kompetensi seperti Kursus Berkaitan IT untuk mendigitilasikan rekod-rekod perjawatan	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
6	Memberi pendedahan/hebahan pekeliling-pekeliling semasa	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Memperkukuh kompetensi modal insan berintegriti dan profesionalisme

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
7	Pelaksanaan Kursus Pengurusan Kenderaan dan Pemanduan Berhemah dengan penambahbaikan modul mengenai integriti, governans dan antirasuah	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029) 5 Tahun (2025-2029)
8	Menganjurkan program berkala bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menangani peningkatan kes keberhutangan yang serius di kalangan kakitangan	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
9	Hebahan kempen kesedaran kesalahan gangguan seksual secara berkala melalui pelbagai medium komunikasi dalaman, e-mel, media sosial dan lain-lain	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
10	Menghantar pegawai ke kursus kompetensi yang bersesuaian	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
11	Mewujudkan <i>roadmap</i> kompetensi pegawai	PKPSR	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.1	Memperkuh kompetensi modal insan berintegriti dan profesionalisme

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
12	Membuat panduan pemarkahan penilaian kompetensi	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
13	Memperkuhkan tahap pematuhan keselamatan perlindungan dokumen terperingkat; selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2020: Pemakluman Pemakaian dan Penguatkuasaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dengan mengadakan taklimat kepada semua warga NPRA untuk meningkatkan kesedaran terhadap Arahan Keselamatan dan Kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972;	JK Keselamatan Perlindungan	5 Tahun (2025-2029)
14	Menganjurkan kursus fungsional berkaitan Pengurusan Rekod/ Dokumen Terperingkat bagi meningkatkan kesedaran dan tanggung jawab mengenai kepentingan menjaga atau melindungi maklumat terperingkat;	JK Keselamatan Perlindungan	5 Tahun (2025-2029)
15	Melaksanakan kursus/latihan integriti secara berkala (tahunan)	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2	Meningkatkan keberkesanan pemantauan terhadap pematuan proses kerja

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Penyelia membuat pemantauan secara berkala (bulanan) untuk rekod akses kepada sistem	Pentadbir sistem	5 Tahun (2025-2029)
2	Penyelia mengehadkan akses sistem (fail/dokumen sulit/rahsia) kepada pegawai tertentu sahaja	Pentadbir sistem	5 Tahun (2025-2029)
3	Penyelia meningkatkan pemantauan semak silang antara rekod kehadiran dengan rekod cuti dalam HRMIS	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
4	Meningkatkan pemantauan pengisytiharan harta secara proaktif	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
5	Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan dalam kawalan penggunaan kemudahan kenderaan Jabatan berdasarkan tatacara ditetapkan (kawalan kad inden, kad TnG, penyelenggaraan buku log, penyelenggaraan kenderaan).	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2	Meningkatkan keberkesanan pemantauan terhadap pematuan proses kerja

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
6	Melaksanakan langkah preventif melalui pemantauan, pengesanan dan semakan berjadual ke atas status kewangan kakitangan, perisytiharan harta serta mengemukakan surat tunjuk sebab.	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
7	Pengurusan tertinggi melaksanakan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun ke Bahagian/ Cawangan/ Pusat untuk memantau kehadiran dan keberadaan pegawai di pejabat	Pengurusan Tertinggi	5 Tahun (2025-2029)
8	Meningkatkan pemantauan secara menyeluruh oleh penyelia	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
9	Membuat semakan silang untuk memastikan kesahihan dokumen yang diterima	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
10	Memperkasakan pasukan JK Keselamatan di peringkat NPRA untuk memastikan pengurusan keselamatan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Arahan Keselamatan, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Keselamatan Siber.	JK Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.2	Meningkatkan keberkesanan pemantauan terhadap pematuan proses kerja

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
11	Membuat pemantauan rekod keluar masuk secara berkala	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
12	Mewujudkan pusingan tugas untuk jawatan sensitif	PKPSR	5 Tahun (2025-2029)
13	Melakukan audit dalaman oleh pihak berkecuali	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
14	Meningkatkan pemantauan terhadap pematuan proses kerja	NPRA	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.3	Memperkemaskan dan memantapkan pengurusan pentadbiran dan sumber manusia yang bersepadu

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Memperkukuhkan mekanisma pusingan kerja secara mandatori	PKPSR dan Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.4	Memperkukuhkan integriti dan disiplin kakitangan dalam organisasi secara optimum dan efektif

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.5	Menambahbaik mekanisma apresiasi sebagai motivasi kepada kakitangan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Memperkenalkan mekanisme pengiktirafan atau penghargaan bagi menggalakkan peningkatan prestasi	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 4	PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA
STRATEGI 4	Memperkukuh ketelusan dalam pentadbiran organisasi
OBJEKTIF STRATEGIK 4.6	Menambahbaik mekanisma apresiasi sebagai motivasi kepada kakitangan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Melaksanakan program kesedaran berkenaan Panduan Mengurus dan Melaporkan Tindakan Tatatertib Di KKM untuk meningkatkan pemahaman dan pematuhan pegawai serta kakitangan.	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 5	PEROLEHAN DAN KEWANGAN
STRATEGI 5	Memantapkan kecekapan dan keberkesanan proses perolehan dan kewangan
OBJEKTIF STRATEGIK 5.1	Memperkasa akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan perolehan dan kewangan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Menyediakan program/kursus/aktiviti berkenaan dengan isu-isu rasuah/ integriti kepada semua anggota dan melaksanakan hebahan dengan lebih meluas mengenai Pelan Antirasuah KKM	NPRA	5 Tahun (2025-2029)
2	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
3	Menyediakan kursus dan latihan berkaitan perakuan pembayaran	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
4	Mewujudkan latihan bagi tatacara pengurusan penyimpanan dokumen kawalan kewangan selepas proses pembayaran	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
5	Melaksanakan latihan pengurusan pembayaran	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
6	Menyediakan kursus dan latihan berkaitan emolumen	Pusat Pentadbiran	5 Tahun (2025-2029)
7	Memantau proses kerja pegawai yang berkenaan	NPRA	5 Tahun (2025-2029)

BIDANG KEUTAMAAN 5	PEROLEHAN DAN KEWANGAN
STRATEGI 5	Memantapkan kecekapan dan keberkesanan proses perolehan dan kewangan
OBJEKTIF STRATEGIK 5.2	Memperkuh kerangka tadbir urus yang baik bagi pengurusan perolehan dan kewangan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Mengeluarkan arahan dalaman berkaitan pematuhan pengurusan perolehan jabatan	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
2	Merancang perolehan tahunan dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak sebut harga /tender	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
3	Menambah baik Prosedur Kerja Penilaian Prestasi Pembekal	JK Penilaian Prestasi Pembekal	1 - 2 Tahun (2025-2026)
4	Mengadakan pemantauan yang lebih rapi dengan memastikan laporan GPIS dilaporkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Awam (JPKA) di peringkat jabatan	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
5	Menambah baik dokumentasi yang lebih terperinci kepada pihak berkenaan mengenai kriteria pengesyoran ke atas sesebuah pembekal dalam pemilihan sebutharga/tender	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
6	Mewujudkan senarai semak dan polisi dalaman bagi memperaku dokumen pembayaran	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
7	Setiap perancangan perolehan tahunan perlu mendapat pengesahan peruntukan daripada Bahagian Kewangan KKM terlebih dahulu sebelum sesuatu perolehan dilaksanakan	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)

BIDANG KEUTAMAAN 5	PEROLEHAN DAN KEWANGAN
STRATEGI 5	Memantapkan kecekapan dan keberkesanan proses perolehan dan kewangan
OBJEKTIF STRATEGIK 5.2	Memperkuh kerangka tadbir urus yang baik bagi pengurusan perolehan dan kewangan

BIL.	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
8	Menguatkuasa Pekeliling Pengurusan Perbelanjaan Awam PB 3.1	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
9	Penyediaan perbelanjaan dan bajet tahunan perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan terlebih dahulu agar peruntukan dapat diagihkan dengan adil dan saksama	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
10	Mengemaskini prosedur kerja pengurusan pentadbiran kontrak agar tempoh masa bagi menandatangani kontrak dapat dipatuhi	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
11	Mengemaskini arahan dalaman dan polisi dalaman	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
12	Mengemaskini prosedur kerja pengurusan perolehan kerajaan agar tempoh masa pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) dapat dipatuhi dan dikeluarkan secepat mungkin	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
13	Mewujudkan senarai semak bagi penggantian cek batal dalam tempoh 14 hari dari tarikh makluman mengikut SPANM Bil 5/2023	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
14	Melaksanakan pemantauan berjadual daripada pihak atasan	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)
15	Mewujudkan senarai semak dan polisi dalaman bagi pembayaran emolument	Pusat Pentadbiran	1 - 2 Tahun (2025-2026)


BAB 3: TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH

STRUKTUR PENTADBIRAN ANTIRASUAH BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA, PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

Demi memastikan pelan ini dapat dilaksanakan secara cekap dan sistematik, kerjasama menyeluruh antara pihak pengurusan tertinggi, warga kerja dan pihak berkepentingan adalah amat diperlukan. Berdasarkan struktur pentadbiran antirasuah seperti mana arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Kelola di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) merupakan salah satu ahli dalam Jawatankuasa Tatakelola Program Perkhidmatan Farmasi.

MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pelan Antirasuah Organisasi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) 2025 - 2029, merupakan satu dokumen dasar yang dirangka sebagai komitmen pengurusan dalam memastikan sistem pencegahan rasuah di NPRA dilaksanakan secara sistematik. Pemantauan dan penilaian terhadap inisiatif yang dipilih adalah diperlukan supaya pelaksanaannya mencapai matlamat yang ditetapkan. Tindakan yang perlu dilaksanakan dalam usaha memantau dan menilai keberkesanan pelan ini adalah seperti berikut:



BAB 4 : KESIMPULAN

Kesimpulan

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) berharap dengan adanya Pelan Antirasuah bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) ini, setiap program dan aktiviti pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah di NPRA dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan tersusun. Justeru, ia berupaya untuk membantu Program Perkhidmatan Farmasi (PPF) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara keseluruhannya, menutup sebarang ruang dan peluang berlakunya perlakuan jenayah rasuah akibat daripada kelemahan amalan, sistem dan tatacara kerja serta kelemahan integriti dalam kalangan warganya. Sehubungan itu, kejayaan pelaksanaan pelan ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak agar semua inisiatif yang telah dikenalpasti dapat dilaksanakan secara konsisten dan dipantau serta dinilai secara berterusan.

Penghargaan

Setinggi tahniah juga diucapkan kepada:

JAWATANKUASAKERJAPEMBANGUNAN&PEMANTAUANPELANANTIRASUAH ORGANISASI (OACP), BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA, PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Puan Azrina binti Hassan (Penyelaras OACP NPRA)
2. Puan Nor Hayati binti Abdul Rahim
3. Puan Hairanie binti Sa'ban
4. Puan Fathiyah binti Ahmad Faraid
5. Cik Lim Fei Xin
6. Puan Wong Hui Ying
7. Puan Bintul Huda binti Ismail
8. Puan Norizzati Adila binti Salam
9. Puan Nur Diyana binti Che Ismail
10. Puan Sharvini a/p Velugopal
11. Cik Safiya binti Mohd Razif
12. Puan Nur Masitah Seth binti Abdul Rahim Seth
13. Puan Siti Ainul Bariah binti Ahmad Sanusi
14. Puan Siti Khatijah binti Abdul Wahab
15. Encik Ahmad Musannif bin Zainordin
yang telah bertungkus lumus merangka dan merealisasikan penghasilan pelan ini.

Bahagian / Agensi lain yang terlibat menjayakan penyediaan pelan ini:

1. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi (BDPSF), Program Perkhidmatan Farmasi (PPF)
2. Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
3. Institut Integriti Malaysia (IIM)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**Gambar-gambar sekitar Bengkel OACP 6-8 Mei 2024, Bengkel
OACP 4 -5 Jun 2024 dan Bengkel OACP 10-11 Jun 2024**







<COVER BELAKANG DOKUMEN>